

12/12/1998

Barat guna maklumat bagi tingkat kemajuan

Dr Hussein Ahmad

MENJELANG ambang abad ke-21 ini, seluruh masyarakat antarabangsa, secara umumnya, sudah banyak berubah dan akan terus membuat perubahan. Faktor maklumat bukan sahaja memainkan peranan penting dalam kehidupan budaya, sosial, ekonomi dan politik mereka tetapi juga dianggap salah satu sumber berharga yang amat kritikal untuk menjadi faktor penentu ke arah meningkatkan taraf kemajuan bangsa dan negara mereka. Kenyataan ini adalah satu aspek penting mengenai intisari yang boleh dirumuskan daripada Laporan Maklumat Dunia 1997-98 (UNESCO World Information Report).

Penyebaran maklumat yang pantas dan tepat di peringkat global kini melepasi benua, kawasan, negara, kota dan desa, dan di antara individu dengan individu amat sukar dihalangi. Dari segi komunikasi pengguna sistem komputer dan kemudahan proses internet dengan cara mel elektronik (atau E-mail), protokol pemindahan fail (file transfer protocol), program khusus untuk mengesan maklumat yang diminati seperti program VERONICA (Very Easy Rodent-Oriented Netwide Index to Computerized Archives), terus menyemarak.

Begitu juga program Newsgroups untuk berceloteh dan berkongsi maklumat, atau Listservers untuk sebaran dan menerima maklumat, serta World Wide Web (WWW) yang menggunakan pendekatan homepage untuk hubung balas punca dan lokasi maklumat melalui komputer, tidak asing lagi bagi pengguna yang berupaya memeralatkannya secara intensif.

Faedahnya ialah memaksimumkan komunikasi diantara penggunanya untuk tujuan tertentu. Masyarakat dan negara yang tertinggi penggunaan sistem dan teknologi komunikasi ini akan lebih bermaklumat. Demikian juga sebaliknya.

Sehubungan itu, secara umumnya masyarakat bermaklumat mempunyai tiga ciri utama. Pertama, mereka menggunakan maklumat sebagai sumber ekonomi yang penting dan asas. Ini bermaksud penggunaan maklumat secara intensif bertujuan mencetuskan inovasi, meningkatkan kekesanan, dan mengukuhkan keupayaan untuk bersaing.

Lebih intensif sesebuah negara, organisasi atau masyarakat menggunakan maklumat secara produktif dan bermakna untuk tujuan tertentu, lebih mungkin lagi akan meningkat mutu, bentuk dan nilai perkhidmatan serta barangan yang dihasilkan olehnya.

Justeru, kebaikannya bukan saja untuk negara, masyarakat atau organisasi sebagai pengeluar barangan dan perkhidmatan itu, tetapi juga memberi lebih banyak peluang kepada pengguna membuat pilihan terbaik mengenai apa yang diperlukan. Lantaran itu, pengguna akan dapat menangani keadaan dan menguasai pengaruh tertentu dalam kehidupan mereka.

Ciri kedua ialah masyarakat yang bermaklumat intensif juga kuat berusaha memperkembangkan prasana sektor maklumat dalam pembangunan sosioekonomi mereka untuk memenuhi pelbagai permintaan terhadap kemudahan perkhidmatan dalam bidang ini. Prasarana sektor maklumat membabitkan pembangunan teknologi, rangkaian telekomunikasi dan komputer.

Ciri ketiga, sebagai kesan keseluruhannya, prasarana sektor ini bukan saja melahirkan industri mengenai maklumat tetapi juga secara tidak langsung akan meningkatkan ilmu dan kemahiran masyarakat, menjadi masyarakat pengguna maklumat yang lebih berkualiti, canggih dan berpengetahuan bagi mewujudkan masyarakat bermaklumat.

Persoalannya, sejauh manakah pendekatan dan penggunaan internet tersebar dari segi geografi dan demografi mengikut negara di dunia ini. Dalam satu analisis mengenai Internet Hosts, mengikut Internet Domain Survey oleh

Universiti Indiana, Amerika Syarikat, mendapati 17 negara, khususnya negara anggota Organization for Economic Development and Cooperation (OECD) amat jauh ke hadapan.

Mengikut banciannya, negara yang tertinggi sekali menggunakan internet ialah Amerika Syarikat. Pada awal 1996, internet hosts di negara itu melebihi 6 juta, diikuti negara kumpulan kedua terbanyak, iaitu semua negara OECD lain, yang juga negara anggota Unesco. Mengikut urutan terbanyak, negara ini ialah Jerman, United Kingdom, Kanada, Australia, Jepun, Finland, Netherland, Sweden, Perancis. Semua mempunyai Internet hosts antara 500,000 hingga sejuta.

Kumpulan ketiga terdiri daripada 21 negara dengan jumlah antara 10,000 hingga 100,000 internet hosts. Negara dalam kumpulan ini ialah Norway; Switzerland, Itali, Sepanyol, New Zealand, Austria, Denmark, Afrika Selatan, Belgium, Israel, Korea, Taiwan, Poland, Singapura, Brazil, Hong Kong, Czech, Ireland, Romania, Mexico dan Hungary.

Dalam kumpulan keempat, iaitu di antara 1,000 hingga 10,000 Internet Hosts, terdapat 25 negara lain. Malaysia adalah sebuah daripada negara kumpulan ini. Taburannya makin menurun bagi negara membangun atau termundur yang lain, iaitu dengan jumlah 1,000 Internet Hosts ke bawah.

Bagi negara-negara kumpulan Asia-Pasifik, hanya 10 negara sahaja daripada 38 negara anggota Unesco yang mempunyai di antara 1,000 hingga 10,000 internet hosts, termasuk Thailand, Indonesia China dan Filipina.

Ada tiga implikasi yang jelas daripada analisis di atas. Pertama, proses perubahan boleh berlaku dengan lebih pesat jika sesuatu masyarakat menyedari pengaruh maklumat dan sistem maklumat serta berusaha memeralatkannya bukan saja secara lokal tetapi secara global. Ini kerana sistem penyebaran maklumat melalui peralatan satelit dan rangkaian tidak mengenali sempadan geografi. Justeru, pada masa ini internet adalah contoh alat mudah guna yang terkini dan terancang bagi teknologi perhubungan.

Kedua, tanpa menggunakan Internet Hosts, masyarakat terlalu bergantung kepada punca maklumat di tempat lain seperti pusat pengajian tinggi, agensi kerajaan dan badan atau syarikat perniagaan. Lebih banyak halangan dan rintangan akan dihadapi untuk mengakses maklumat daripada punca di tempat tersebut.

Ketiga, analisis ini menunjukkan negara Barat, khususnya OECD, bukan sahaja terkehadapan dalam pembangunan negara mereka, tetapi juga terkemuka dalam memeralatkan sumber maklumat sebagai sumber ekonomi dan pembangunan ilmu.

Negara yang kurang memeralatkan maklumat dan sistem maklumat mempunyai masyarakat yang kurang bermaklumat. Lantas mereka kurang bersedia membuat perubahan ke arah keadaan hidup yang lebih baik.

Atas dasar inilah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan gigih dan dedikasi merancang projek serta prasarana terancang Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Cyberjaya bagi membangunkan bangsa Malaysia yang bermaklumat intensif dan masyarakat bermaklumat bagi menghadapi cabaran dalam abad ke-21. Mengikut ahli falsafah terkemuka masa kini seperti John Naisbitt dan Alvin Tofler, dalam abad ke-21 negara yang menguasai maklumat, sistem komunikasi dan teknologi maklumat akan menguasai arah aliran pembangunan dunia.

(END)